

20/06/1999

Mahkamah benar permohonan tertuduh

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam, membenarkan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan permohonan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipenjarakan kerana menghina mahkamah.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang membuat keputusan itu mendapati adalah wajar pihak pembelaan mengemukakan permohonan secara rasmi daripada membuat permohonan lisan.

"Saya tidak katakan yang Perdana Menteri melakukan kesalahan menghina mahkamah. Saya tidak boleh membuat keputusan sekarang dan saya tidak tahu sama ada saya akan mendengarnya.

"Tetapi kemukakan permohonan itu jika perlu dan biarlah mahkamah membuat keputusan sewajarnya," katanya.

Sebelum itu, peguam bela Anwar, Karpal Singh memberitahu mahkamah bahawa Dr Mahathir dalam ucapannya pada perhimpunan agung Umno kelmarin bercakap mengenai moral dan tingkah laku Anwar yang didakwa "sudah menentukan dulu keputusan mahkamah" (kes itu).

"Mahkamah ini perlu memerintahkan Perdana Menteri hadir ke mahkamah memberi tunjuk sebab beliau tidak boleh dipenjarakan atas kesalahan menghina mahkamah," katanya.

Sambil merujuk teks ucapan Dr Mahathir, Karpal memberitahu mahkamah kandungan ucapan yang menjejaskan perbicaraan secara adil dalam kes berkenaan adalah apabila Perdana Menteri berkata "moral dan perlakuan Anwarlah yang menghalangnya daripada menjadi Presiden Umno."

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah membantah permohonan itu dan memberitahu mahkamah pemecatan Anwar daripada Umno dan Kerajaan adalah perkara yang membabitkan kepentingan umum dan diketahui ramai.

Katanya, Dr Mahathir sebagai pemimpin Umno dan Perdana Menteri harus dibenarkan memberi penjelasannya.

Menurutnya, hukuman yang diterima oleh Anwar terhadap tuduhan rasuah yang mempunyai kaitan dengan perlakuannya juga sudah diketahui umum.

Mohtar berkata, tidak ada sebarang unsur penghinaan dalam ucapan Perdana Menteri itu dan tidaklah wajar mengemukakan permohonan pada ketika perbicaraan dijalankan.

"Jika pihak pembelaan berpendapat bahawa ada unsur penghinaan, maka mereka perlu mengemukakan permohonan secara rasmi kepada Mahkamah Tinggi dan Hakim Besar Malaya akan memutuskan siapa hakim yang akan mendengarnya.

(END)